

Bahagian A**[30 markah]****[Masa dicadangkan : 30 minit]**

Maklumat di bawah menunjukkan sebahagian daripada aktiviti mengisi masa lapang. Huraikan pendapat anda tentang mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah. Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Bahan 1

The image consists of two panels. The left panel shows a black silhouette of a person jogging, wearing a t-shirt with 'ISI' and 'LOCK' printed on it. The right panel is a poster with the title 'Faedah senaman berjalan' (Benefits of walking exercise) in large bold letters. Below the title, it says 'Berjalan 30 minit sehari dapat:' (Walking 30 minutes a day can). The poster lists five benefits with corresponding icons:

- Mengurangkan berat badan (Reducing body weight) - icon of a person running.
- Meningkatkan kerjahan jantung (Improving heart function) - icon of a heart.
- Menggalakkan perasaan positif (Promoting positive feelings) - icon of two people dancing.
- Menguatkan tulang dan otot (Strengthening bones and muscles) - icon of a bone.
- Mengurangkan risiko penyakit diabetes (Reducing risk of diabetes) - icon of a blood glucose meter.

Bahan 2

Berkhasiat sungguh air halia,
Dimasak dengan air telaga;
Beriadah ialah amalan mulia,
Badan sihat tentu bertenaga.

Burung undan burung tempura,
Hinggap berehat di pohon kayu;
Beriadah amalan untuk semua,
Rakyat sihat negara maju.

Pantun faedah Beriadah
Sumber : Internet

Bahan 3

Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang panjang tidak akan membosankan jika kita pandai mengisi masa lapang itu bersama keluarga. Menurut Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid (Kokurikulum), Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS), Mohd Yusof Shafie, banyak perkara boleh dilakukan bersama keluarga sepanjang PKP.

"Kalau sudah biasa bekerja, memang mudah bosan duduk lama di rumah, tetapi kita perlu bijak mengisi masa dengan melakukan banyak perkara yang berfaedah sepanjang PKP. Bagi mengisi masa itu, saya merancang beberapa perkara untuk dilakukan bersama anak seperti bersenam, berekreasi, bertukang dan melukis kerana yang penting mendisiplinkan diri duduk di rumah sepanjang tempoh yang sukar ini," kata bapa kepada tiga anak itu.

"Waktu PKP ini juga sepatutnya kita gunakan untuk memantapkan akhlak anak-anak dan mengerjakan ibadat bersama-sama dengan seluruh ahli keluarga," ujar beliau lagi.

Sumber : Internet

[Lihat halaman sebelah
SULIT

YRK - B MELAYU KERTAS (1) - SPM

Bahagian B**[100 markah]****[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]**

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1. DOMAIN PERIBADI

Penyakit paling kritikal diperkatakan di seluruh negara dan dunia ialah wabak COVID-19 yang mula dikesan di Wuhan, China sekitar pertengahan Disember tahun 2019. Namun, penyakit ini mula menjadi isu paling serius di negara kita ekoran gelombang keduanya yang turut mencatatkan dua kematian pada 17 Mac tahun lalu.

(Sumber : Internet)

Petikan di atas menjelaskan bahawa wabak virus atau pandemik jangkitan pernafasan akut seperti influenza atau sindrom pernafasan akut yang teruk menimbulkan ancaman global. Ubat-ubatan dan vaksin antivirus mungkin tidak mencukupi untuk mencegah penyebarannya.

Sebagai anak yang bertanggungjawab, bagaimanakah anda boleh membantu keluarga anda agar terhindar daripada wabak tersebut.

2. DOMAIN AWAM

Satu demi satu bencana dan tragedi alam sekitar berlaku di Malaysia. Antaranya, tragedi pembuangan sisa toksik di Sungai Gatom di Johor, isu pencemaran arsenik di Loji Rawatan Air Sungai Ganda di Gerik dan pencemaran Sungai Kim Kim Fasa 1 dan Fasa 2. Hal ini tidak termasuk statistik pencemaran sungai, kemasuhan hutan, kemerosotan bilangan hidupan liar dan segala bentuk penjejasan alam sekitar lain.

(Sumber : *Berita Harian*, 9 September 2019)

Petikan akhbar di atas membawa maksud kebersihan alam sekitar merupakan amalan yang perlu dititikberatkan dalam kehidupan masyarakat. Hal ini bertambah penting apabila negara berusaha untuk menarik pelancong asing berkunjung ke negara kita.

Cadangkan usaha-usaha untuk mendidik anggota masyarakat agar mengutamakan kebersihan alam sekitar.

3. DOMAIN PENDIDIKAN

Subjek Sains Sukan merupakan satu cabang dalam sains yang mengkaji respons manusia terhadap aktiviti fizikal. Bidang ini merangkumi kinesiologi, biomekanik, anatomi dan fisiologi. Bidang-bidang yang berkaitan dengan Sains Sukan adalah seperti pemakanan, pengurusan sukan, sosiologi dan psikologi. Bidang Sains Sukan membantu kita memahami tindak balas badan manusia seperti organ, sistem saraf, sistem otot dan tenaga dalam badan semasa melakukan sesuatu sukan. (Sumber : Internet)

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

YIK - B MELAYU KERTAS (1) - SPM

Petikan tersebut menyatakan maklumat yang berkaitan dengan mata pelajaran Sains Sukan dan kepentingan mempelajarinya.

Bincangkan kepentingan-kepentingan mempelajari subjek Sains Sukan.

4. DOMAIN KERJAYA

"Saya berasa keperluan guru pendidikan khas di seluruh negara pasti akan lebih tinggi dari semasa ke semasa. Disebabkan itu, kerajaan menyeru bakal guru memohon untuk menceburi bidang ini kerana lebih banyak guru dan pembantu pengurusan murid diperlukan bagi memenuhi keperluan tersebut pada masa hadapan."

(Dipetik daripada ucapan
Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching
Bernama, 6 Julai 2018)

Sebagai respon terhadap kandungan ucapan di atas, nampaknya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) begitu memandang serius tentang pendidikan kepada Murid Berkeperluan Khas (MBK) di negara kita. Namun, terdapat beberapa cabaran untuk menjadi guru pendidikan khas.

Ulaskan cabaran-cabaran tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SULIT

2

Bahagian A : Sistem dan Aplikasi Bahasa
[35 markah]
[Masa yang dicadangkan : 45 minit]

1. Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan dua kata bantu dan dua kata hubung. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda saham akan maksud dan penggunaanya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Mahasiswa bukan Melayu harus membuang tanggapan stereotaip ini bahawa bahasa Melayu terhad untuk kaum Melayu sahaja, tetapi bahasa ini boleh dianggap bahasa yang bersifat universal atau sejagat. Peluang kaum bukan Melayu untuk menceburi bidang bahasa Melayu adalah cerah dan sangat digalakkan. Jika seseorang pelajar daripada kaum bukan Melayu memilih bahasa Melayu sebagai pilihannya, dia akan dipandang tinggi kerana bukan mudah mahasiswa bukan Melayu memilih bidang ini. Selain itu, mahasiswa bukan Melayu haruslah sedar bahawa melalui bidang bahasa Melayu, terlalu banyak peluang pekerjaan bersifat profesional dapat ditawarkan kepada mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Benarkah Mahasiswa Bukan Melayu Menolak Bidang Bahasa Melayu?’ Oleh Diviya Devaraj, *Pelita Bahasa*, Bil. 01/2021

[8 markah]

2. Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Tukarkan ayat bersusunan biasa yang bergaris kepada ayat bersusunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.

Filem *The Count of Monte Cristo* mengisahkan seorang lelaki, iaitu Dante yang tidak mempunyai pelajaran. Kemiskinan menyebabkan dirinya terusir jauh di dalam penjara kerana ditipu oleh rakan baiknya sendiri. Semasa berada di penjara, dia bertemu dengan seorang banduan lain. Pada peringkat awalnya, banduan itu ditemui ketika dia sedang berada di biliknya. Banduan itu cuba mencari jalan keluar dari situ. Banduan itu mengajak Dante lari bersama-sama. Banduan itu mula mengajar Dante berkaitan ilmu pengetahuan dan seni pertahanan diri.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Bagaimakah Sastera Mendidik Pengalaman dan Akal Seseorang?’
Oleh Amirul Zumairi Ahmad, *Tunas Cipta*, Bil. 02/2021

[6 markah]

3. (a) Dalam petikan 1 terdapat enam kesalahan bahasa manakala petikan 2 terdapat lima kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Petikan 1

| | |
|---------|---|
| Najmi | : Sejak kebelakangan ini, penglibatan murid dalam gengsterisme membimbangkan banyak pihak. |
| Syahidi | : Saya juga sering terbaca berita tentang murid dibuli dan diperas ugut. Apakah punca sebenar yang menyebabkan gejala ini berlaku? |
| Najmi | : Pada pendapat saya, sikap ingin menunjukkan kehebatan menyebabkan mereka terjebak dalam gengsterisme. Mereka ini sanggup melakukan tindakan yang salah di sisi undang-undang bagi mencapai kepuasan dan matlamat diri. |
| Syahidi | : Lazimnya, murid yang terlibat dalam gengsterisme ialah murid yang menghadapi masalah <u>displin</u> dalam sekolah. |
| Najmi | : Saya bersetuju dengan pendapat kamu. Kekurangan pengawasan disiplin telah memberi peluang kepada murid untuk terjebak dalam gengsterisme. Mereka boleh membuli dan memperas ugut murid yang lemah untuk mendapatkan wang. |
| Syahidi | : Selain itu, ibu bapa yang kurang memberikan didikan agama dan kasih sayang juga merupakan faktor berlakunya gengsterisme di sekolah. |

[6 markah]

Petikan 2

Selain itu, faktor persekitaran juga turut mendorong kepada peningkatan masalah disiplin dalam kalangan murid sekolah. Pusat-pusat hiburan, siber kafe dan pusat membeli-belah yang tumbuh bagi cendawan selepas hujan menyediakan pelbagai kemudahan-kemudahan yang mudah diakses dan dikunjungi oleh golongan murid. Para peniaga yang tidak bertanggung jawab hanya mengaut keuntungan semata-mata dan tidak menghiraukan kesan buruk yang akan menimpa

[5 markah]

4. Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka oleh ibunya segala hal-ehwal dari mulanya datang kesudahnya diceritakannya pada anaknya. Setelah Kertala Sari mendengar ceritera ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu sangat amarahnya, "Ceh, Ratu Melaka dan Laksamana! Mati engkau olehku! Tanpa kedep tembung laku. Syahadan negeri Melaka pun habis kubinasakan. Jikalau tiada kuperbuat demikian, bukanlah aku anak penjurit yang berani dan kepetangan."

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan' dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

5. Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan dua peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan tersebut.

Datin Nina sentiasa mempunyai cita rasa yang tinggi. Beliau gemar membeli perabot dan perkakasan rumah yang berkualiti walaupun harganya mahal. Datin Nina berpandangan bahawa barang yang berkualiti tahan lama mengikut kesesuaian harga. Namun demikian, suaminya, Datuk Johari tidak suka akan sikap isterinya dan sering merungut kerana Datin Nina berbelanja tidak mengikut kemampuan diri. Sungguhpun begitu, Datuk Johari sentiasa menurut sahaja kehendak isterinya walaupun beliau tidak bersetuju. Datuk Johari hanya mendiamkan diri dan tidak menegur sikap isterinya kerana takut akan menyebabkan pertengkaran.

[4 markah]

Bahagian B : Pemahaman

[35 markah]

[Masa yang dicadangkan : 60 minit]

Soalan 6 – Petikan Umum**Bahan 1**

Cabar yang dihadapi akibat ancaman COVID-19 mendesak dunia pendidikan berubah secara drastik. (Tidak semua pelajar mempunyai peranti atau capaian dan kestabilan Internet.) Bagi golongan yang tinggal di kawasan terpencil dan pedalaman, termasuklah di Sabah dan Sarawak, dengan capaian Internet yang terhad dan tidak laju, terdapat pelajar yang sanggup berjalan ke kawasan yang lebih tinggi dan bermalam di kawasan berkenaan bagi mendapatkan capaian Internet yang lebih baik.)

Seperkata lagi yang menjadi permasalahan, (bukan semua pelajar mampu membeli data Internet.) Ada pelajar yang miskin dan tidak mampu membeli data dan peranti elektronik sehingga menjelaskan penyampaian andragogi dan pedagogi proses pembelajaran.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Kebiasaan Baharu: Pembelajaran dalam Talian’ oleh Jeniri Amir, *Dewan Siswa*, Bil. 1/2021

Bahan 2

Secara teorinya, pembelajaran secara dalam talian senang untuk diungkapkan, namun tidaklah semudah untuk diperaktikkan dalam situasi sebenar. Kita perlu menerima hakikat bahawa realiti pendidikan dalam negara belum bersedia sepenuhnya untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara maya. (Banyak isu berbangkit terpaksa dihadapi seperti pemilikan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi dalam kalangan pelajar, akses Internet, kemahiran guru dan sebagainya.)

Cabar terbesar pendidikan 2021 pastinya untuk meningkatkan *akses pendidikan* secara meluas, iaitu merentasi semua kumpulan pelajar, khususnya pelajar luar bandar dan pelajar daripada komuniti ekonomi rendah dan sederhana.

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Cabar Pendidikan Tahun 2021’ oleh Mohd Yusri Ibrahim, *Dewan Masyarakat*, Bil. 02/2021

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *akses pendidikan*. [2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan cabaran pendidikan secara dalam talian. [3 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

YIK - B.MELAYU KERTAS (2) - SPM

- (iii) Menyedari cabaran utama pendidikan bagi tahun 2021 berkaitan dengan akses pendidikan khususnya isu pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian, maka penyelesaian juga perlu difokuskan secara tuntas untuk memperbaik masalah bagi memastikan tiada kumpulan pelajar berisiko tercicir dalam proses pembelajaran.

Nyatakan pendapat anda tentang usaha untuk mengatasi masalah ini.

[3 markah]

- (iv) Seorang rakan anda terpaksa bergilir-gilir menggunakan komputer dengan adik-beradik yang lain semasa proses pembelajaran secara dalam talian.

Sebagai seorang rakan,uraikan tindakan yang wajar anda lakukan untuk membantu agar rakan anda tidak tercicir dalam proses pembelajaran.

[4 markah]

Petikan 7 – Petikan Sastera

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Hijau (Zainal Abidin Mohamad)

Bumi yang tiada rimba
Seumpama hamba
Dia dicemar manusia
Yang jahil ketawa

Bumi yang tiada udara
Bagai tiada nyawa
Pasti hilang suatu hari
Tanpa disedari

Bumi tanpa lautan
Akan kehausan
Pasti lambat laun hilang
Duniaku yang malang

Dewasa ini kita saling merayakan
Kejayaan yang akhirnya membinasakan
Apalah gunanya *kematangan fikiran*
Bila di jiwa kita masih lagi muda
Dan mentah kulihat hijau

Bahan 2

Dalam seketika sahaja hutan dara itu telah ternoda. Kini, hutan itu telanjang polos sedangkan selama ini busana hijau yang menutupinya. Segala-galanya sirna dalam sekelip mata. Yang tinggal hanyalah serpihan kayu dan tunggul-tunggul mati. Perasaan kesal telah menggores dada Pak Tua. Matanya berkaca-kaca. Beribu-ribu dan mungkin berjuta-juta tahun iklim alam mengambil masa menenun busana hijau untuk bumi, tetapi dalam sekelip mata jentolak yang dipandu oleh Pak Tua telah merobek dan mengoyak habis busana rimba. Sesal Pak Tua semakin melebat. Pak Tua cuba meraih kembali ingatannya sewaktu 30 tahun yang lalu. Jemari tangannya terketar-ketar mengurut kerut di dahinya yang menyimpan memori yang begitu banyak. Setitis dua air mengalir di sudut kelopak matanya.

"Aku ingin kawasan hutan ini kembali rimbun", kata Pak Tua sendirian sambil memejamkan mata.

Dipetik dan diubah suai daripada cerpen 'Hutan Rimba' dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*, Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *kematangan fikiran*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, apakah yang berlaku kepada alam?
[4 markah]
- (iii) Sesalan yang dihadapi oleh Pak Tua dalam **Bahan 2** merupakan impak daripada perbuatan manusia kepada alam sekitar.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh generasi muda untuk mengekalkan alam sekitar yang menghijau walaupun pembangunan yang pesat dijalankan?

[3 markah]

- (iv) Anda telah menyertai Program Penanaman Pokok Bakau di Taman Negara Tanjung Piai. Tujuan program ini diadakan adalah untuk pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar serta meningkatkan kesedaran dan penghargaan kepada alam sekitar. Program ini telah disertai oleh seramai 200 orang peserta dari negeri Johor dan Melaka yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan, pelajar institusi pengajian tinggi, pelajar sekolah dan orang awam.

Sebagai remaja yang prihatin, apakah yang harus dilakukan agar setiap anggota masyarakat menghargai hutan bakau dan tidak sewenang-wenangnya melakukan kemusnahan?

[4 markah]

Soalan 8 – Petikan Novel

- (i) *Baca petikan novel di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

“Saya tidak pernah pun menjakkan kaki di Terengganu, negeri yang terkenal dengan pantai dan pulau yang indah. Tentu seronok kan?” ujar See Hwa. “Dulu, Cikgu Abdullah selalu bercerita kepada saya tentang negeri Terengganu. Penyu-penyu yang bertelur di Rantau Abang dan tentang kehalusan sutera dan batik di Pasar Payang.”

Haiqal tersenyum. Fasih See Hwa berbahasa Melayu. Tidak kedengaran pelat Cinanya. “Johor pun apa kurangnya, kan? Negeri yang telah melahirkan ramai pejuang bangsa macam Dato’ Onn...negeri yang kaya dengan kebudayaannya.”

Dipetik daripada novel *Silir Daksina*, karya Nizar Parman,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan tarikan yang terdapat di negeri Terengganu.

[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang berikut :*

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latif Talib
- (b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani, karya Ben Sabariah
- (g) Bimasakti Menari, karya Sri Rahnyu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina, karya Nizar Parman

Sesebuah karya sastera, memaparkan nilai kegigihan dalam masyarakat yang boleh dijadikan pedoman oleh pembaca.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari,uraikan dua peristiwa yang menunjukkan nilai kegigihan yang terdapat dalam novel tersebut.

[6 markah]

Bahagian C : Rumusan

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan : 45 minit]

Soalan 9 – Rumusan

Baca petikan dan teliti bahan grafik yang disertakan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.

Bahan 1 – Petikan

Penggunaan telefon pintar pada hari ini sudah dianggap sebagai barang keperluan kerana bukan sahaja medium komunikasi sebaliknya menjadi tempat untuk mengetahui maklumat semasa, produktiviti tugas harian selain komunikasi antara individu sehingga kepada kelompok besar.) Pada hari ini juga bukan menjadi kehairanan apabila kita melihat kanak-kanak sudah memegang telefon pintar. Hampir kebanyakan remaja pada hari ini memiliki sebuah telefon pintar, sama ada remaja di kawasan pedalaman, kampung, ataupun di sebuah kota metropolitan.

Tidak dapat dinafikan bahawa telefon pintar mendatangkan kesan yang baik dengan (memudahkan segala keperluan dan tuntutan harian penggunanya.) Telefon pintar membantu pengguna melaksanakan tugas untuk menyimpan dan menghantar data) selain (memudahkan pelbagai transaksi dilakukan melalui urusan secara dalam talian seperti membayar bil perkhidmatan dan melakukan urus niaga.) Pengguna juga (dapat mencari maklumat dengan pantasnya dan dapat menjadi sumber hiburan dengan pelbagai aplikasi yang dicapai melalui Internet.) Pengguna juga (menjadikan telefon pintar sebagai wahana untuk mengembangkan kreativiti dan berkarya.)

Namun begitu, telefon pintar juga telah merobek kemanusiaan dengan cukup berjaya. Nilai kemanusiaan akan tenggelam hari demi hari kerana sebuah alat yang menjadi kegilaan pada hari ini. Natijah penggunaan telefon pintar ini tidak sekadar mencerminkan sesuatu yang positif, malahan memercikkan implikasi yang negatif daripada perspektif yang pelbagai. Alat ini menjadi medium untuk menyalurkan pelbagai perkara yang negatif, termasuklah unsur pornografi, keganasan dan aktiviti sumbang. Yang lebih menyentuh nurani keinsanan ialah telefon pintar merenggangkan hubungan dan perasaan antara sesama ahli keluarga.

Pada asasnya terdapat faktor yang mendorong kebergantungan pengguna kepada telefon pintar ini. Pengguna (menjadikan telefon pintar sebagai sumber maklumat yang memperkaya idea pengguna dan memperagakan sesuatu keadaan secara simbolik yang akhirnya berupaya menarik sensitiviti pengguna.) Telefon pintar (mengukuhkan lagi maklumat yang sedia ada dalam diri pengguna) dan akhirnya mengikat mereka agar terus kekal menggunakan telefon pintar. Pada masa yang sama, pengguna memerlukan telefon pintar untuk (keperluan kognitif, efektif, peribadi, sosial dan keperluan melepaskan perasaan turut meningkatkan kadar penggunaan telefon pintar.)

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Ketagihan
Digital:Hilang Kemanusiaan kerana Telefon Pintar’,
oleh A/har Salleh, Dewan Siswa, Julai 2015

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Bahan 2 – Grafik

Ketagihan Telefon Pintar

1. Pemantauan ibu bapa
2. Kumpulan sokongan dan sesi kaunseling
3. Mengamalkan gaya hidup sihat seperti bersenam



KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT